

26 MAY 2003

UITM LANCAR PROGRAM CARI HARTA KARUN YAYASAN BUDIMAN UITM

KLANG, 26 Mei (Bernama) -- Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan melancarkan Program Mencari Harta Karun Yayasan Budiman UiTM (YBUiTM) 2003 pada 14 Jun depan.

Pengerusi projek berkenaan Aishah Ahmad berkata program itu julung kali diadakan khusus bagi menerapkan nilai kerjasama, setiakawan dan memperkukuhkan hubungan silaturrahim di kalangan siswa-siswi dan pihak universiti.

"Ia juga bertujuan mengumpul dana bagi membantu siswa dan siswi UiTM yang kurang berkemampuan dalam membiayai kos pengajian mereka. Setakat ini jumlah tabung berkenaan bernilai RM1.5 juta," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Program dua hari itu bermula di Stadium Shah Alam dan berakhir di Equatorial Hill Resorts Cameron Highlands, Pahang dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka melepaskan para peserta.

Beliau berkata dua kategori yang dipertandingkan ialah kategori terbuka dan kategori keluarga dan penyertaan yang terhad kepada 150 peserta masih lagi dibuka sehingga 7 Jun depan.

Aishah berkata yuran penyertaan meliputi penginapan, makan malam, sarapan pagi, cenderahati dan petrol, bernilai RM150 bagi orang dewasa, RM100 bagi kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun manakala percuma bagi kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah.

Hadiah yang ditawarkan ialah wang tunai sebanyak RM5,000 dan RM3,000 bagi pemenang kategori dan hadiah sampingan.

YBUiTM dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Perhimpunan Perdana Siswazah ITM (Institut Teknologi Mara) (kini UiTM) pada 26 Ogos 1999.

-- BERNAMA

SHS PR